Pendakwa Raya lwn Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO WA-44–116–06 TAHUN 2019
MUHAMMAD JAMIL H
19 MAC 2021

Prosedur Jenayah — Pelucuthakan — Perintah pelucuthakan — Pemohon memohon perintah pelucuthakan wang di bawah ss 56, 59 dan 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') — Sama ada wang adalah hasil daripada aktiviti haram dalam s 56(2)(a) Akta

Melalui notis usul dipinda ('kandungan 54') yang difailkan menurut ss 56, 59 dan 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') pendakwa raya ('pemohon') memohon untuk perintah-perintah berikut: (a) untuk melucuthakan harta alih iaitu wang berjumlah RM677,872.55 yang disimpan di dalam akaun semasa CIMB Bank Bhd atas nama responden pertama dan semua faedah yang terakru hasil daripada simpanan tersebut kepada Kerajaan Malaysia; (b) untuk disiarkan satu notis dalam *warta* di bawah s 61(2) Akta bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta alih berkenaan supaya hadir di hadapan mahkamah pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis untuk menunjukkan sebab mengapa harta alih tersebut tidak boleh dilucuthakkan; (c) suatu penalti kewangan yang bersamaan amaun nilai faedah yang diperoleh sedemikian dan yang bersamaan dengan amaun itu; dan (d) sebarang perintah lain atau lanjut yang difikirkan adil, patut dan sesuai oleh mahkamah. Responden pertama merupakan satu cawangan di bawah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Responden pertama telah menerima RM25 juta melalui cek daripada Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak ('Dato' Najib'). Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') mendapati cek tersebut adalah dikeluarkan oleh Dato' Najib dari akaun semasa miliknya kepada akaun semasa milik responden pertama. Pada 25 Jun 2018 suatu perintah pembekuan harta di bawah s 44(1) Akta telah disampaikan oleh SPRM terhadap akaun semasa milik responden pertama. Pada 21 September 2018 suatu perintah penyitaan harta alih di bawah s 50(1) Akta telah dikeluarkan oleh pemohon terhadap akaun semasa milik responden pertama. CIMB Bank Johor Bahru mengesahkan baki terkini akaun semasa milik responden pertama pada 25 April 2019 adalah berjumlah RM677,872.55. Pada 3 September 2020 pemohon memfailkan kandungan 54. Kes ini hanyalah antara pemohon dan responden-responden sahaja dan berkaitan perenggan (a) dan (c) kandungan

54. Isu untuk pertimbangan adalah sama ada wang RM677,872.55 itu adalah hasil daripada aktiviti haram dalam ruang lingkup maksud perenggan (iii) s 56(2)(a) Akta.

Diputuskan, menolak permohonan pemohon:

(1) Pemohon gagal membuktikan kaitan wang RM677,872.55 dengan RM25 juta yang diterima daripada Dato' Najib jikapun diandaikan bahawa RM25 juta itu adalah hasil daripada aktiviti haram. Tidak terdapat bukti yang boleh menunjukkan wang RM677,872.55 adalah berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib. Wang RM677,872.55 yang ingin dilucuthak oleh pemohon bukan berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib. Atas imbangan kebarangkalian pemohon gagal membuktikan bahawa wang RM677,872.55 adalah hasil daripada aktiviti haram. Mahkamah tidak membuat suatu perintah pelucuthakan di bawah s 56(2) Akta berkaitan wang RM677,872.55 itu maka mahkamah tidak boleh mengeluarkan apa-apa perintah kewangan di bawah s 59 Akta (lihat perenggan 32–35).

[English summary

By an amended notice of motion ('encl 54') filed pursuant to ss 56, 59 and 61 of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the Act') the public prosecutor ('the applicant') applied for the following orders: (a) to forfeit a movable property namely money amounting to RM677,872.55 deposited in the CIMB Bank Bhd current account in the name of the first respondent and all interest accrued as a result of such savings to the Government of Malaysia; (b) for the publication of a notice in the *gazette* under s 61(2) of the Act to summon any third party claiming to have any interest in the movable property in question to appear before the court on the date specified in the notice to show cause why the movable property could not be forfeited; (c) a pecuniary penalty equal to the amount of the value of interest so earned and equal to that amount; and (d) any other or further order that the court thinks just, fit and proper. The first respondent was a branch under the United Malays National Organization. The first respondent received RM25m by cheque from Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak ('Dato' Najib'). An investigation by the Malaysian Anti-Corruption Commission ('MACC') found that the cheque was issued by Dato' Najib from his current account to the current account of the first respondent. On 25 June 2018 a property freezing order under s 44(1) of the Act was served by the MACC against the current account belonging to the first respondent. On 21 September 2018 an order of forfeiture of movable property under s 50(1) of the Act was issued by the applicant against the current account belonging to the first respondent. CIMB Bank Johor Bahru confirmed that the latest balance of the current account belonging to the first respondent on 25

April 2019 was RM677,872.55. On 3 September 2020 the applicant filed encl 54. This case was only between the applicant and the respondents and related to paras (a) and (c) of encl 54. The issue for consideration was whether the RM677,872.55 was the result of unlawful activities within the scope of the meaning of para (iii) s 56(2)(a) of the Act.

Held, dismissing the applicant's application:

(1) The applicant failed to prove the connection between the RM677,872.55 and the RM25m received from Dato' Najib even if it was assumed that the RM25m was the result of unlawful activities. There was no evidence to show that the RM677,872.55 came from the RM25m received by the first respondent from Dato' Najib. The RM677,872.55 that the applicant wanted to forfeit did not come from the RM25m received by the first respondent from Dato' Najib. On the balance of probabilities, the applicant failed to prove that the RM677,872.55 was the result of unlawful activities. The court did not make a forfeiture order under s 56(2) of the Act relating to the RM677,872.55 money then the court could not issue any pecuniary order under s 59 of the Act (see paras 32–35).]

Kes-kes yang dirujuk

Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481, MP (dirujuk)
Noor Ismahanum Mohd Ismail v PP [2019] 2 MLJ 536; [2018] 10 CLJ 597, MR (dirujuk)
PP v Billion Nova Sdn Bhd & Ors [2016] MLJU 1823; [2016] 2 CLJ 763, MR (dirujuk)
PP v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2018] 6 MLJ 37; [2019] 3 CLJ 650, MR (dirujuk)
PP v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2021] 2 MLJ 469; [2021] 3 CLJ 198, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ss 3(1), 4(1), 44(1), 50(1), 55, 56, 56(1), (2), (2)(a)(i), (2)(a)(ii), (2)(a)(iii), (2)(a)(iv), (4), 59, 61, 61(2), 70(1), Jadual Kedua
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 23

Nik Haslinie bt Hashim (Maziah bt Mohaide bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak pemohon.
Syahrul Syazwan bin Salehin (Nursyahirah bt Zulkifli bersamanya) (Syahrul & Co) bagi pihak responden.

Muhammad Jamil H:

[1] Melalui notis usul dipinda (kandungan 54) yang difailkan menurut ss 56, 59 dan 61 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta') pendakwa raya ('pemohon') memohon untuk perintah-perintah berikut:

(a) memohon mahkamah yang mulia ini untuk melucuthakan harta alih iaitu wang berjumlah RM677,872.55 (Ringgit Malaysia enam ratus tujuh puluh tujuh ribu lapan ratus tujuh puluh dua dan lima puluh lima sen sahaja) yang disimpan di dalam akaun semasa CIMB Bank Bhd No Akaun 8005781360 atas nama responden pertama dan semua faedah yang terakru hasil daripada simpanan tersebut kepada Kerajaan Malaysia;

(b) untuk disiarkan satu notis dalam *warta* di bawah sub-s 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('Akta 613') bagi memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta alih berkenaan supaya hadir di hadapan mahkamah pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis untuk menunjukkan sebab mengapa harta alih tersebut tidak boleh dilucuthakkan;

(c) suatu penalti kewangan yang bersamaan amaun nilai faedah yang diperoleh sedemikian dan yang bersamaan dengan amaun itu; dan

(d) sebarang perintah lain atau lanjut yang difikirkan adil, patut dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Notis usul pemohon disokong oleh afidavit Allan Suman Pillai (kandungan 2), afidavit Nur Aida bt Arifin (kandungan 3) dan afidavit Nurul Huda bt Abd Rahman (kandungan 6).

[3] Responden pertama memfailkan tiga afidavit balasan (kandungan 13, 14 dan 15) yang diikrarkan oleh setiausahanya Samsolbari bin Jamali menentang notis usul pemohon.

[4] Pemohon memfailkan afidavit balasan kepada afidavit balasan responden pertama masing-masing diikrarkan oleh Allan Suman Pillai (kandungan 18), Nurul Huda bt Abd Rahman (kandungan 19) dan Nur Aida bt Arifin (kandungan 20).

[5] Fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) responden pertama merupakan satu cawangan di bawah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ('UMNO') yang didaftarkan pada 6 April 1988. Kategori pertubuhan adalah politik;

(b) responden pertama telah menerima RM25 juta melalui Cek No 571920 bertarikh 30 April 2013 daripada Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak ('Dato' Najib');

(c) siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') mendapati cek tersebut adalah dikeluarkan oleh Dato' Najib dari akaun semasa miliknya AmIslamic Bank No 2112022009694 kepada akaun semasa CIMB Bank No 8005781360 milik responden pertama;

(d) pada 25 Jun 2018 suatu perintah pembekuan harta di bawah sub-s 44(1) Akta telah disampaikan oleh SPRM kepada CIMB Bank terhadap akaun semasa CIMB Bank No 8005781360 milik responden pertama;

(e) pada 21 September 2018 suatu perintah penyitaan harta alih di bawah sub-s 50(1) Akta telah dikeluarkan oleh pemohon kepada CIMB Bank terhadap akaun semasa CIMB Bank No 8005781360 milik responden pertama;

(f) CIMB Bank Johor Bahru, Johor mengesahkan baki terkini akaun semasa milik responden pertama pada 25 April 2019 adalah berjumlah RM677,872.55;

(g) tiada pendakwaan dibuat terhadap responden pertama dengan kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta berkaitan wang RM677,872.55 itu;

(h) pada 19 Jun 2019 pemohon memfailkan notis usul (kandungan 1) untuk perintah: (a) memohon mahkamah untuk melucutkan wang RM677,872.55 kepada Kerajaan Malaysia; dan (b) untuk disiarkan satu notis dalam *warta* di bawah sub-s 61(2) Akta;

(i) pada 4 Julai 2019 mahkamah membenarkan perenggan (b) kandungan 1. Suatu notis telah disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan pada 24 Julai 2019 memanggil mana-mana pihak ketiga yang menuntut yang mempunyai apa-apa kepentingan ke atas harta iaitu wang RM677,872.55 supaya hadir di hadapan mahkamah pada 4 September 2019 jam 9.00 pagi untuk menunjuk sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakan. Tiada pihak ketiga hadir pada 4 September 2019 untuk membuat apa-apa tuntutan ke atas harta itu;

(j) pada 27 Februari 2020 pemohon memfailkan notis usul dipinda (kandungan 33). Berikutan itu di atas permohonan lisan timbalan pendakwa raya ('TPR') dan tiada bantahan daripada peguamcara responden-responden suatu notis baharu disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Persekutuan pada 27 Mac 2020 memanggil mana-mana pihak ketiga supaya hadir di hadapan mahkamah pada 7 April 2020. Oleh

kerana pada 7 April 2020 negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan tarikh kehadiran pihak ketiga ditetapkan semula pada 11 Jun 2020. Tiada pihak ketiga yang hadir pada 11 Jun 2020 untuk membuat apa-apa tuntutan ke atas harta itu;

(k) tidak terdapat pembeli sucihati bagi balasan bernilai berkenaan harta iaitu wang RM677,872.55; dan

(l) pada 3 September 2020 pemohon memfailkan satu lagi notis usul dipinda (kandungan 54).

[6] Kes ini hanyalah antara pemohon dan responden-responden sahaja dan berkaitan perenggan (a) dan (c) kandungan 54.

[7] Saya telah mendengar permohonan pemohon dalam notis usul dipinda (kandungan 54). TPR yang mewakili pemohon dan peguamcara responden-responden memfailkan hujahan bertulis dan berhujah secara lisan di hadapan mahkamah ini.

[8] Saya telah baca afidavit-afidavit yang difailkan pemohon dan responden pertama. Saya telah menimbang hujahan TPR dan peguamcara responden-responden.

[9] Hujahan TPR:

(a) pemohon telah memenuhi kehendak s 56 Akta dan permohonan pemohon adalah terhadap hasil daripada aktiviti haram;

(b) responden pertama tidak menafikan menerima RM25 juta daripada Dato' Najib yang merupakan hasil daripada aktiviti haram berkaitan kesalahan di bawah s 23 Akta SPRM di mana Dato' Najib telahpun dituduh di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur;

(c) bukan tanggungjawab pihak pemohon untuk membuktikan tujuan mahupun bagaimana RM25 juta itu digunakan atau dibelanjakan oleh responden pertama. Tidak kira sama ada responden pertama telah membelanjakan keseluruhan wang tersebut atau wang tersebut telah bercampur dengan wang lain mereka terikat dan bertanggungan untuk memulangkan semula hasil wang haram itu;

(d) wang RM677,872.55 yang disita adalah terangkum dalam takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) Akta iaitu mana-mana harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada hasil itu di dalam atau di luar Malaysia;

(e) prinsip Akta tidak membenarkan mana-mana orang untuk menikmati faedah hasil daripada pengubahan wang haram. Responden pertama telahpun menikmati faedah dan juga keuntungan ekonomi hasil

daripada aktiviti haram iaitu menerima RM25 juta daripada Dato' Najib dan apa yang diperoleh kembali hanyalah RM677,872.55; dan

(f) selepas perintah pelucuthakan dikeluarkan mahkamah boleh memberi perintah kewangan di bawah s 59 Akta terhadap responden pertama yang memperoleh faedah hasil daripada aktiviti haram.

[10] Hujahan peguamcara responden-responden:

(a) pihak pemohon gagal memenuhi kehendak-kehendak ataupun elemen utama di bawah s 56 Akta. Wang RM677,872.55 yang disita itu bukan wang hasil daripada aktiviti haram. Wang RM677,872.55 tidak datang daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama, ini boleh dilihat melalui eksh SJ2 dalam kandungan 14 iaitu penyata akaun bulan April 2018 hingga Jun 2018. Pada 14 Mei 2018 jumlah yang direkodkan adalah negatif RM6,385,745.71. Ini jelas menunjukkan wang RM677,872.55 datang daripada sumber lain; dan

(b) sebagaimana hujahan TPR, s 59 Akta hanya boleh diguna pakai selepas mahkamah membuat perintah pelucuthakan di bawah ss 55 atau 56 Akta. Pemakaian s 59 Akta adalah tertakluk dan bergantung kepada dapatan mahkamah sama ada perintah pelucuthakan di bawah s 56 Akta dibuat ataupun tidak.

[11] Permohonan pemohon dalam perenggan (a) kandungan 54 untuk melucuthakan wang RM677,872.55 adalah dibuat menurut sub-s 56(1) Akta yang memperuntukan seperti berikut:

> 56(1) Subject to section 61, where in respect of any property seized under this Act there is no prosecution or conviction for an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence, the Public Prosecutor may, before the expiration of twelve months from the date of the seizure, or where there is a freezing order, twelve months from the date of the freezing, apply to a judge of the High Court for an order of forfeiture of that property if he is satisfied that such property is:
>
> (a) the subject-matter or evidence relating to the commission of such offence;
>
> (b) terrorist property;
>
> (c) the proceeds of an unlawful activity; or
>
> (d) the instrumentalities of an offence

[12] Keperluan sebagaimana dikehendaki oleh sub-s 56(1) Akta hendaklah dipenuhi terlebih dahulu sebelum pemohon boleh memohon kepada hakim Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah pelucuthakan.

[13] Dalam kes ini keperluan tersebut telah dipenuhi iaitu wang RM677,872.55 disita menurut sub-s 50(1) Akta; responden pertama tidak

didakwa dengan kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta berkaitan wang RM677,872.55; dan permohonan ini dibuat dalam tempoh 12 bulan dari tarikh wang RM677,872.55 dibekukan. Seterusnya pemohon hendaklah berpuas hati bahawa wang RM677,872.55 itu adalah hal perkara atau keterangan berkaitan pelakuan suatu kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta; harta pengganas; hasil daripada aktiviti haram; atau peralatan suatu kesalahan. Sebagaimana boleh dilihat daripada afidavit Allan Suman Pillai (kandungan 2), afidavit Nur Aida bt Arifin (kandungan 3) dan afidavit Nurul Huda bt Abd Rahman (kandungan 6) pemohon berpuas hati bahawa wang RM677,872.55 itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta yang mana ia adalah hasil daripada aktiviti haram berkaitan kesalahan di bawah s 23 Akta SPRM.

[14] Seperti dinyatakan dalam kandungan 54, permohonan pemohon adalah berasaskan kepada fakta bahawa wang RM677,872.55 itu telah diperoleh hasil daripada dan berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta.

[15] Afidavit Allan Suman Pillai (kandungan 2), afidavit Nur Aida bt Arifin (kandungan 3) dan afidavit Nurul Huda bt Abd Rahman (kandungan 6) menyatakan wang RM677,872.55 itu telah diperoleh hasil daripada atau berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah sub-s 4(1) Akta yang mana ia adalah hasil daripada aktiviti haram berkaitan kesalahan di bawah s 23 Akta SPRM.

[16] Hasil daripada aktiviti haram (*proceeds of an unlawful activity*) dalam sub-s 3(1) Akta bermaksud:

> any property, or any economic advantage or economic gain from such property, within or outside Malaysia:
>
> (a) which is wholly or partly:
>
> (i) derived or obtained, directly or indirectly, by any person from any unlawful activity;
>
> (ii) derived or obtained from a disposal or other dealings with the property referred to in subparagraph (i); or
>
> (iii) acquired using the property derived or obtained by any person through any disposal or other dealings referred to in subparagraph (i) or (ii); or
>
> (b) which, wholly or partly, due to any circumstances such as its nature, value, location or place of discovery, or to the time, manner or place of its acquisition, or the person from whom it was acquired, or its proximity to

other property referred to in subparagraph (a)(i), (ii) or (iii), can be reasonably believed to be property falling within the scope of subparagraph (a)(i), (ii) or (iii).

[17] Aktiviti haram (*unlawful activity*) dalam sub-s 3(1) Akta bermaksud:

(a) any activity which constitutes any serious offence or any foreign serious offence; or

(b) any activity which is of such a nature, or occurs in such circumstances, that it results in or leads to the commission of any serious offence or any foreign serious offence,

regardless whether such activity, wholly or partly, takes place within or outside Malaysia.

[18] Kesalahan serius (*serious offence*) dalam sub-s 3(1) Akta bermaksud:

(a) any of the offences specified in the Second Schedule;

(b) an attempt to commit any of those offences; or

(c) the abetment of any of those offences.

[19] Kesalahan serius asing (*foreign serious offence*) dalam sub-s 3(1) Akta bermaksud:

an offence:

(a) against the law of a foreign State stated in a certificate purporting to be issued by or on behalf of the government of that foreign State; and

(b) that consists of or includes an act or activity which, if it had occured in Malaysia, would have constituted a serious offence.

[20] Untuk menyimpulkan, hasil daripada aktiviti haram bermaksud apa-apa harta atau apa-apa kelebihan ekonomi, atau keuntungan ekonomi daripada harta itu yang berada di dalam atau di luar Malaysia yang mana keseluruhan atau sebahagiannya diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti haram atau daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta itu dan aktiviti haram bermaksud sebarang aktiviti yang mana menjadi apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing atau yang mengakibatkan atau membawa kepada pelakuan apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing.

[21] Dalam kes ini responden pertama didakwa menerima RM25 juta daripada Dato' Najib. Wang tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram yang berkaitan dengan kesalahan di bawah s 23 Akta SPRM. Dato' Najib telah melakukan kesalahan di bawah s 23 Akta SPRM iaitu menggunakan kuasa dan

kedudukannya sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah 1MDB untuk mendapatkan suapan. Antara 22 Mac 2013 dan 10 April 2013 Dato' Najib telah menerima sejumlah RM2,081,476,926.00 melalui sembilan transaksi ke dalam akaun semasa miliknya AmIslamic Bank No 2112022009694. Dato' Najib telah mengeluarkan RM25 juta dari akaun semasa miliknya AmIslamic Bank No 2112022009694 melalui cek No 571920 kepada akaun semasa CIMB Bank No 8005781360 milik responden pertama.

[22] Seksyen 23 Akta SPRM adalah suatu kesalahan serius sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua Akta.

[23] Tanggungjawab hakim Mahkamah Tinggi yang kepadanya permohonan dibuat di bawah sub-s 56(1) Akta adalah ditetapkan oleh sub-s 56(2) Akta seperti berikut:

> 56(2) The judge to whom an application is made under subsection (1) shall make an order for the forfeiture of the property if he is satisfied:
>
> (a) that the property is:
>
> (i) the subject-matter or evidence relating to the commission of an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence;
>
> (ii) terrorist property;
>
> (iii) the proceeds of an unlawful activity; or
>
> (iv) the instrumentalities of an offence; and
>
> (b) that there is no purchaser in good faith for valuable consideration in respect of the property.

[24] Perhatian utama hakim dalam suatu permohonan di bawah sub-s 56(1) Akta adalah berkenaan dengan status undang-undang (*legal status*) harta itu, bukan kebersalahan atau sebaliknya mana-mana orang di bawah sub-s 4(1) Akta (*Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2021] 2 MLJ 469; [2021] 3 CLJ 198; *Noor Ismahanum Mohd Ismail v Public Prosecutor* [2019] 2 MLJ 536; [2018] 10 CLJ 597). Dia hendaklah membuat suatu perintah pelucuthakan harta itu jika berpuas hati harta itu termasuk di bawah perenggan (i) atau (ii) atau (iii) atau (iv) sub-s 56(2)(a) Akta.

[25] Dalam konteks kes ini apa yang perlu saya tentukan ialah sama ada wang RM677,872.55 itu adalah hasil daripada aktiviti haram dalam ruang lingkup maksud perenggan (iii) sub-s 56(2)(a) Akta.

[26] Dalam menentukan sama ada wang RM677,872.55 itu adalah hasil daripada aktiviti haram tahap pembuktian yang diguna pakai ialah tahap

pembuktian sivil iaitu pembuktian atas imbangan kebarangkalian sebagaimana ditetapkan dalam sub-s 56(4) dan sub-s 70(1) Akta. A

[27] Saya hanya perlu untuk berpuas hati bahawa wang RM677,872.55 itu adalah hasil daripada aktiviti haram. Maksud puas hati (*satisfaction*) telah dibincangkan dalam beberapa kes antaranya *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389; [2005] 2 CLJ 481; *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2018] 6 MLJ 37; [2019] 3 CLJ 650; *Public Prosecutor v Billion Nova Sdn Bhd & Ors* [2016] MLJU 1823; [2016] 2 CLJ 763. Jelasnya perkataan berpuas hati yang dinyatakan dalam sub-s 56(2) Akta adalah berasaskan kepada pembuktian yang mencukupi (*sufficient proof*). B C

[28] Responden pertama tidak pernah menafikan fakta bahawa mereka telah menerima RM25 juta daripada Dato' Najib melalui Cek No 571920 bertarikh 30 April 2013 (perenggan 10 afidavit balasan responden pertama kandungan 14). Walau bagaimanapun responden pertama menegaskan RM25 juta itu telah habis digunakan (perenggan 11.3 afidavit balasan responden pertama kandungan 14). Pemohon dalam afidavit balasan kandungan 19 tidak dapat menyangkal fakta bahawa RM25 juta itu telah habis digunakan oleh responden pertama. Penegasan responden pertama bahawa RM25 juta itu telah habis digunakan adalah disokong oleh penyata akaun bank mereka. Penyata akaun bank responden pertama yang diekshibitkan dalam afidavit balasan responden pertama kandungan 14 (eksh 'SJ2') menyatakan baki pada 14 Mei 2018 adalah negatif RM6,385,745.71. Ini menunjukkan bahawa RM25 juta itu telah habis digunakan oleh responden pertama. Keseluruhan atau sebahagian RM25 juta itu yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib pada 30 April 2013 tidak lagi wujud dalam akaun bank responden pertama pada 14 Mei 2018. D E F

[29] Responden pertama menegaskan wang RM677,872.55 yang ingin dilucuthak oleh pemohon adalah daripada sumber lain dan bukan sebahagian daripada RM25 juta yang diterima daripada Dato' Najib pada 30 April 2013 (perenggan 13.4 afidavit balasan responden pertama kandungan 14). RM25 juta itu telah habis digunakan oleh responden pertama. Ini boleh dilihat daripada penyata akaun bank responden pertama yang menunjukkan baki negatif RM6,385,745.71 pada 14 Mei 2018. Keseluruhan atau sebahagian RM25 juta itu tidak lagi wujud dalam akaun bank responden pertama pada 14 Mei 2018. Hal perkara berkenaan RM25 juta itu tidak lagi wujud dalam akaun bank responden pertama. Jelasnya wang RM677,872.55 yang ingin dilucuthak oleh pemohon tiada kaitan dan bukan berasal daripada RM25 juta itu. G H I

[30] Akaun bank responden pertama dibekukan pada 25 Jun 2018 dan perintah penyitaan dikeluarkan pada 21 September 2018. Baki terkini dalam

A akaun bank responden pertama pada 25 April 2019 adalah berjumlah RM677,872.55. Jumlah RM677,872.55 ini yang ingin dilucuthak oleh pemohon.

B **[31]** Sebelum dibekukan baki dalam akaun bank responden pertama pada 14 Mei 2018 adalah negatif RM6,385,745.71. Selepas baki negatif RM6,385,745.71 pada 14 Mei 2018 hingga kepada tarikh akaun dibekukan terdapat beberapa transaksi kemasukan wang ke dalam akaun bank responden pertama. Ini ditunjukkan dalam penyata akaun bank responden pertama sebagaimana eksh 'SJ2'. Responden pertama menegaskan wang
C RM677,872.55 itu adalah hasil daripada dana yang disalurkan oleh UMNO Pusat dan juga sumbangan dana-dana politik yang lain (perenggan 13.1 afidavit balasan responden pertama kandungan 14) dan adalah daripada sumber yang lain dan bukannya sebahagian daripada RM25 juta itu
D (perenggan 13.4 afidavit balasan responden pertama kandungan 14). Pemohon dalam afidavit balasan kandungan 19 tidak dapat menyangkal fakta bahawa wang RM677,872.55 adalah berasal daripada sumber lain dan bukan berasal daripada RM25 juta itu. Transaksi kemasukan wang ke dalam akaun bank responden pertama selepas baki negatif RM6,385,745.71 pada 14 Mei
E 2018 menyokong fakta bahawa wang RM677,872.55 berasal daripada sumber lain dan bukan berasal daripada RM25 juta itu.

[32] Pemohon gagal membuktikan kaitan wang RM677,872.55 dengan RM25 juta yang diterima daripada Dato' Najib jikapun diandaikan bahawa
F RM25 juta itu adalah hasil daripada aktiviti haram. Pemohon gagal membuktikan wang RM677,872.55 adalah berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib. Tidak terdapat bukti yang boleh menunjukkan wang RM677,872.55 adalah berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib.

G

[33] Pada pandangan saya wang RM677,872.55 yang ingin dilucuthak oleh pemohon bukan berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib. Responden pertama telah mengemukakan keterangan iaitu penyata akaun eksh 'SJ2' untuk membuktikan bahawa wang
H RM677,872.55 adalah berasal daripada sumber lain dan bukan berasal daripada RM25 juta yang diterima oleh responden pertama daripada Dato' Najib yang mana tidak dapat disangkal oleh pemohon.

[34] Atas imbangan kebarangkalian pemohon gagal membuktikan bahawa
I wang RM677,872.55 adalah hasil daripada aktiviti haram. Dengan itu saya tidak membuat suatu perintah pelucuthakan wang RM677,872.55 dibawah sub-s 56(2) Akta.

[35] Perintah kewangan di bawah s 59 Akta hanya boleh dikeluarkan apabila

saya membuat suatu perintah pelucuthakan di bawah ss 55 atau 56 Akta. Saya tidak membuat suatu perintah pelucuthakan di bawah sub-s 56(2) Akta berkaitan wang RM677,872.55 itu maka saya tidak boleh mengeluarkan apa-apa perintah kewangan di bawah s 59 Akta.

[36] Permohonan pemohon dalam perenggan (a) dan (c) kandungan 54 adalah ditolak.

Permohonan pemohon ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh